

Transformasi Dengan Membawa Urbanisasi ke Kawasan Luar Bandar

ZAHIDHAMIDI.COM

October 17, 2017

'Transformasi Luar Bandar: Mempertingkatkan Modal Insan Ke arah Komuniti Luar Bandar Berdaya Tahan' yang mencerminkan komitmen Malaysia dalam pembangunan luar bandar dengan menekankan kepada pembangunan modal insan sebagai tambahan kepada pembangunan infrastruktur. Dalam teks ucapan saya sempena Mesyuarat ke-10 Menteri-menteri ASEAN Mengenai Pembangunan Luar Bandar dan Membasmi Kemiskinan (AMRDPE) yang berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini, Malaysia telah mengesa negara-negara di rantau Asean sasar 'digit tunggal' kadar kemiskinan menjelang 2025. Rantau ASEAN dengan penduduknya lebih dari 634 juta diharap dapat ditransformasikan, dengan pembangunan bandar dibawa ke kawasan luar bandar.

Pada tahun 2016 kadar kemiskinan di negara-negara ASEAN dicatatkan pada kadar 14%, berbanding 31% yang dicatat pada 1990. Sehubungan itu, mesyuarat ini juga sebagai salah satu platform perkongsian maklumat antara negara-negara ASEAN dalam merangka kaedah terbaik membasmi kemiskinan di rantau ini. Hasil perkongsian maklumat juga mendapati cabaran dari segi pembangunan infrastruktur dan dalam beberapa kawasan, kebanyakannya di luar bandar masih kekurangan infrastruktur asas seperti air bersih dan elektrik. Mengikut rekod, kadar kemiskinan di ASEAN masih dianggap tinggi walaupun pelbagai usaha telah diambil untuk membasmi kemiskinan.

Disini pembasmian kemiskinan bukan sahaja terus menjadi keutamaan dalam ASEAN seperti yang dinyatakan dalam Pelan Tindakan Sosiobudaya Komuniti ASEAN 2025, tetapi juga di peringkat global seperti yang digariskan dalam Agenda Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa Bersatu.

Dari sudut negara Malaysia pula, pelbagai usaha kerajaan Malaysia untuk menangani kemiskinan luar bandar perlu disokong semua pihak. Masalah kemiskinan luar bandar ini telah lama membelenggu masyarakat dan menjadi salah satu daripada agenda Kerajaan

Malaysia untuk membasminya. Pendekatan pembasmian ini dicerminkan dalam dasar pembangunan luar bandar Malaysia apabila Kerajaan Pusat memberikan penekanan serupa terhadap pembangunan infrastruktur dan modal insan. Salah satu daripada inisiatif utama kami ialah Transformasi Luar Bandar (RTP) yang dilancarkan sejak tahun 2015 lagi.

Kerajaan Malaysia telah menyusun strategi kepada pembangunan luar bandar tidak terhad kepada fizikal dan ekonomi sahaja, malahan pembangunan modal insan juga dilaksanakan kerana ia menjadi jentera utama pertumbuhan Malaysia. Kita harus memanfaatkan sumber modal insan sedia ada ke arah pendekatan holistik terhadap pembangunan luar bandar. Penggerak utama RTP ialah Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) yang menyediakan peluang baharu ekonomi, sosial dan pendidikan bagi penduduk luar bandar serta menawarkan latihan kemahiran, mikro-kredit, perkhidmatan kesihatan dan peluang menyertai kegiatan nilai tambah pertanian.

Isu meningkatnya penghijrahan dari luar bandar ke bandar yang dianggap suatu norma di negara-negara membangun lain, usaha yang lebih serius perlu untuk membangunkan kawasan luar bandar bagi menjadikannya lebih menarik kepada penduduk setempat. Selaras dengan ini, pihak Kerajaan Pusat telah menyenaraikan beberapa langkah penting yang perlu dilaksanakan untuk menangani kemelut yang telah lama dihadapi golongan miskin di kawasan bandar. Diantaranya pendekatan jangka pendek, sederhana dan panjang untuk memastikan masalah kemiskinan luar bandar dapat diselesaikan dengan berkesan. Kami juga berpendapat perlu ada penyelesaian menyeluruh untuk mengekang kenaikan harga barang, termasuk mengoptimumkan pengeluaran dan mengurangkan penglibatan orang tengah.

Sebagai tambahan kepada RTC ini, kerajaan telah mewujudkan lebih 200 RTC mini untuk menyampaikan perkhidmatan kerajaan kepada masyarakat. Semua RTC mini ini bertindak sebagai hab tempatan bagi kegiatan ekonomi dan sosial, menghubungkan komuniti di pedalaman dengan peluang ekonomi yang lebih baik dan membawa perkhidmatan kerajaan lebih dekat ke rumah mereka. Inilah program transformasi luar bandar cara Malaysia. Kerajaan Malaysia juga akan mengkaji cadangan melaksanakan bantuan makanan

dengan kerjasama pelbagai kementerian dan pasar raya besar di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Saya menyeru rakyat Malaysia agar terus bekerja keras dan lebih peka bagi membasmi kemiskinan kerana ianya memerlukan pendekatan pelbagai dimensi bukan hanya dari segi pendapatan, tetapi juga meliputi kesihatan, pendidikan dan taraf hidup, oleh itu perlu ada strategi mapan, holistik dan inklusif yang turut melibatkan pembangunan modal insan dari peringkat dari rumah lagi.

Hakcipta terpelihara @ Ahmad Zahid Hamidi 2017

Source: <https://zahidhamidi.com/transformasi-dengan-membawa-urbanisasi-ke-kawasan-luar-bandar/>